

## Silat sudah dapat perhatian di Austria

7 DEC 1987

B. Harlan (M)

SILAT kini semakin mendapat perhatian penduduk Austria sejak kejuaraan dunia kali ke-3 di Vienna tahun lalu, kata Presiden Persatuan Pencak Silat Verband Osterreich (PSVO), Ing Gunther Ertl.

Beliau yang juga pengurus pasukan Austria untuk Kejuaraan Silat Dunia Ke-4 di Stadium Negara sekarang, berkata jika sebelum kejuaraan

## Wahyuni mahu pulang sebagai 'Srikandi'

7 DEC 1987

TRI WAHYUNI tidak memandangkan rendah keupayaannya Masliza Abu Bakar dari Malaysia dalam usahanya untuk mengekalkan kejuaraan dunia Kelas B bagi kali ketiga berturut-turut dalam pertandingan akhir hari ini.

Katanya, sungguhpun pengalaman memihak kepadanya berbanding Masliza, dia tetap menghormati kewibawaan pesilat tuan rumah yang berkeupayaan mencatat keputusan mengejut itu.

Bakal pendidik dari Kota Malang, Jawa Timur itu berkata: "Saya tetap menganggap pertarungan nanti 50-50. Bagaimanapun, saya tetap berusaha untuk menang."

Tri Wahyuni, 23, sudah tujuh tahun mempelajari silat daripada Perguruan Perisai Diri itu, menganggap kelebihan sokongan moral penonton tempatan tidak melemahkan semangatnya untuk meraih kemenangan.

"Saya tidak mahu kehilangan pingat emas yang sentiasa dimiliki sejak mewakili Indonesia dalam empat kejuaraan antarabangsa setakat ini," kata pesilat lepasan Institut Keguruan Ilmu Pendidikan Olahraga, Jawa Timur itu.

Sementara itu rakannya, Ni Made Wahyuni, 19, tidak meragui kemampuannya untuk mengesipkan Heike Dietrich dari Jerman.

1986, Austria hanya mempunyai 50 pesilat, kini angka itu meningkat 300.

"Di negara kami, amat sukar bagi seni-seni mempertahankan diri selain judo dan ju jitsu mendapat tempat. Judo lebih dikenali berbanding silat kerana seorang ahli judo kami adalah juara dunia.

"Bagaimanapun, sejak diadakan demonstrasi silat beberapa bulan lalu, sambutan penduduk di Austria semakin menggalakkan.

"Kira-kira 2,000 penonton melihat persembahan kami yang secara tidak langsung membantu menaikkan imej silat di kalangan orang-orang Austria," kata Ertl.

## Imej

Menurutnya, Austria menjadi tuan rumah kepada Kejuaraan Sedunia tahun lalu, atas usaha gigih serta inisiatif jurulatih silat, Frans Hariwijadi.

Frans, dari Indonesia yang kini warganegara Austria menyatakan sambutan orang-orang negara itu terhadap silat amat baik.

"Pada mulanya sukar untuk meyakinkan mereka bahawa silat adalah seni mempertahankan diri, kerana silat dianggap sebagai kebudayaan Indonesia," katanya.

Berikutan sambutan menggalakkan...